

02 MAR 1998

MAHATHIR: UMNO TIDAK PERLU ANGGOTA TIDAK SETIA

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO tidak memerlukan anggota yang tidak setia dan mengamalkan sikap "katak lompat".

Seseorang anggota parti mestilah setia dan sanggup menghadapi sebarang cabaran, kata beliau mengulas tindakan anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Tendong, Hussain Ahmad yang meninggalkan UMNO untuk menyertai Pas pada Sabtu lepas.

"Kita (Umno) nak orang yang taat dan setia pada parti. Dia buat keputusan nak keluar, keluarlah. Kita tak berapa minat kepada katak lompat," katanya selepas mempengerusiakan mesyuarat Majlis Tertinggi parti di sini malam ini .

Dr Mahathir berkata oleh kerana sesuatu sebab, Hussain membuat keputusan meninggalkan Umno, bermakna dia cuma menjadi ahli parti untuk keadaan yang menyenangkan dirinya sahaja dan bukan untuk kepentingan parti.

"Kalau orang parti, walau apa sebabpun, demi kepentingan parti dia perlu taat dan setia pada parti," katanya. --BERNAMA

SJA ARA MAI